

AIA In The News

18 September 2008

Harian Metro

Krisis tak jejas AIA

AMERICAN International Assurance Bhd (AIA Bhd) tidak terkena tempas krisis kewangan yang sedang berlaku di Amerika Syarikat ketika ini.

Ketua Pegawai eksekutifnya, Khor Hock Seng, berkata syarikat itu menyakinkan semua pelanggan dan pemegang polisinya bahawa perniagaannya berjalan seperti biasa.

“Kami berbangga dengan hakikat bahawa kami penginsurans diperbadan tempatan. Lebih 96 peratus daripada jumlah aset kami dilabur di Malaysia.

“Polisi insurans yang ditaja jamin AIA Bhd adalah obligasi langsung perniagaan diselia kami yang tertakluk kepada kawal atur tempatan dan keperluan modal yang ketat seperti yang ditetapkan Akta dan Peraturan Insurans,” kata Khor dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Menurutnya, AIA Bhd mempunyai modal yang diurus dengan baik dan syarikat itu mengekalkan rizab berasingan di Malaysia, sejajar dengan peraturan bagi memenuhi obligasi kepada pemegang polisi.

Kenyataan AIA Bhd itu dibuat selepas berita syarikat gergasi American International Group Inc (AIG) di Amerika Syarikat menanggung beban hutang gadai janji berjumlah berbilion dolar.

Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat pada 16 Sept mengumumkan Bank Rizab Persekutuan New York akan menyediakan kemudahan kredit AS\$85 bilion selama dua tahun kepada AIG bagi menampung keperluan mudah tunainya.